

Oleh Muhammad
Faiz Baharin
bhvarsiti@bh.com.my

► Nilai

USIM bangun modul ujian bahasa Arab

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) berhasrat membangunkan satu modul ujian penguasaan bahasa Arab bagi bukan penutur jati yang diiktiraf pada peringkat antarabangsa.

Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa USIM, Prof Dr Zulkiple Abd Ghani, berkata modul berkenaan berbentuk seperti penilaian kompetensi Bahasa

BERMULA TAHUN INI, KITA MEMPERKENALKAN UJIAN KOMPETENSI BAHASA ARAB ATAU IMTIHAN KAFAAH LUGHATUL ARABIYYAH (IKLA) PADA PERINGKAT UNIVERSITI”

rof Dr Zulkiple Abd Ghani,
Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa USIM

Inggeris iaitu 'Test of English as a Foreign Language' (TOEFL) dan 'International English Language Testing System' (IELTS).

Katanya, modul ujian seragam dan komprehensif berkenaan akan dinamakan Ujian Bahasa Arab Universiti Malaysia (MUAT) bakal

menjadi penilai keberkesanan pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab yang dipelajari di sekolah menengah.

“USIM ingin menjadi peneraju kepada usaha mewujudkan satu sistem ujian bahasa Arab yang diiktiraf pada peringkat antara

bangsa. Justeru, bermula tahun ini, kita memperkenalkan Ujian Kompetensi Bahasa Arab atau Imtihan Kafaah Lughatul Arabiyyah (IKLA) pada peringkat universiti.

“Pelajar baharu Sarjana Muda Sesi Akademik 2015/2016 adalah kumpulan sulung yang menduduki IKLA, iaitu modul ujian yang

dihasilkan oleh Fakulti Pengajian Bahasa Utama merangkumi aspek pemahaman, sintaksis, morfologi, kosa kata dan gaya bahasa,” katanya.

Syarat wajib

Prof Zulkiple berkata, USIM sebagai universiti yang menetapkan syarat wajib bahasa Arab bagi permohonan melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana Muda amat mementingkan saringan awal terhadap penguasaan bahasa berkenaan.

Katanya, buat masa ini, kompetensi penguasaan bahasa Arab untuk pelajar sekolah aliran agama belum dapat disetarakan dengan sebarang ujian khas berbanding bahasa Inggeris yang mempunyai penilaian menerusi Ujian Bahasa Inggeris Universiti Malaysia (MUET).

“Kami memerlukan masa yang panjang menghasilkan modul bahasa Arab yang diiktiraf pada peringkat antarabangsa dan USIM akan terus melakukan kajian serta kerjasama dengan pelbagai pihak termasuk Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT),” katanya.

Katanya, pelaksanaan MUAT kelak akan memudahkan lulusan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) yang ingin melanjutkan pengajian ke universiti di Asia Barat termasuk Universiti Al-Azhar di Mesir.

